

## BAHAGIAN IV

### PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN/AGENSI NEGERI

#### 1. PENGENALAN

1.1. Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) diperkenalkan pada tahun 2007 bagi menilai sama ada pengurusan kewangan kementerian/jabatan/agensi Persekutuan dan negeri dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan dan berkuat kuasa. Pengauditan ini adalah selaras dengan Seksyen 6, Akta Audit 1957. Penilaian terhadap pengurusan kewangan dibuat dengan menyemak elemen utama, indikator dan sub-indikator. Skor diberi kepada setiap indikator/sub indikator dan penarafan diberi terhadap tahap prestasi pengurusan kewangan kementerian/jabatan/agensi Persekutuan dan negeri. Pada tahun 2017, pendekatan pengurusan kewangan telah ditambah baik kepada penilaian berasaskan risiko. Setiap kriteria yang diaudit dikategorikan kepada tiga (3) tahap risiko iaitu risiko tinggi, risiko sederhana dan risiko rendah.

1.2. Mulai tahun 2019, pengauditan pematuhan terhadap kementerian/jabatan/agensi Persekutuan dan negeri diperkenalkan sebagai pendekatan baharu yang merangkumi penyata kewangan dan pengurusan kewangan selaras dengan *The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) 4000 dan 4100*. Pengauditan ini memberi tumpuan secara mendalam kepada sesuatu bidang utama audit (*key audit area*)/kawalan pengurusan kewangan berdasarkan *Risk Profiling* yang dilaksanakan terhadap setiap Jabatan dan Agensi Negeri. Pengauditan pematuhan ini menggunakan pendekatan 3P1K, iaitu mengenal pasti elemen pembaziran, pemborosan, penyelewengan dan ketirisan wang awam.

1.3. Pada tahun 2020, sebanyak tiga (3) pengauditan pematuhan telah dilaksanakan terhadap tiga (3) jabatan dan satu (1) agensi negeri adalah seperti dalam **Jadual 1**.

**JADUAL 1**  
**SENARAI PENGAUDITAN PEMATUHAN TAHUN 2019**

BIL.	TAJUK PEMATUHAN	JABATAN/AGENSI NEGERI
1.	Pemberimilikan dan Tunggakan Cukai Tanah	<ul style="list-style-type: none"><li>Pejabat Daerah Dan Tanah Kinta, Batu Gajah</li><li>Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Kangsar</li></ul>
2.	Lesen Pendudukan Sementara	<ul style="list-style-type: none"><li>Pejabat Daerah Dan Tanah Batang Padang</li></ul>
3.	Perolehan Sebut Harga	<ul style="list-style-type: none"><li>Lembaga Air Perak</li></ul>

Sumber: Jabatan Audit Negara